

MAHATHIR - MELAYU

NIBONG TEBAL, 2 4 JUN (BERNAMA)- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENINGATKAN ORANG MELAYU AGAR TERUS BERSATUPADU BAGI MENGELAKKAN RUNTUHNIA KEKUATAN POLITIK BANGSA.

+KEKUATAN BAGI ORANG MELAYU KINI HANYALAH KEKUATAN POLITIK DAN JIKA TIADA PERPADUAN MAKA AKAN RUNTUHLAH KEKUATAN POLITIK ITU DAN AKAN RUGILAH BANGSA MELAYU,+ TEGAS PERDANA MENTERI.

ORANG HELAYU AKAN LEMAH JIKA TIDAK BERSATU PADU DAN KEKUATAN POLITIK ORANG MELAYU HANYA TERLETAK PADA UMNO, SEBUAH PARTI YANG MEMENTINGKAN PERPADUAN, KATA BELIAU SEMASA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN RAKYAT DI PADANG SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SUNGAI SETAR, DI SINI, HARI INI.

BERIBU-RIBU ORANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN ANJURAN BADAN PERHUBUNGAN UMNO PULAU PINANG ITU. MEREKA MENGIBARKAN PELBAGAI SEPANDUK MANAKALA PEMIDANG LATAR PENTAS TERTULIS +MAHATHIR PEJUANG AGAMA, PENYELAMAT BANGSA DAN NEGARA+.

BELIAU BERKATA UMNO BERCITA-CITA MEMBANGUNKAN NEGARA DAN MEMPERTAHANKAN SERTA MENINGKATKAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU AGAR SETARAF DENGAN BANGSA LAIN.

-- LAGI

2143MST 2 4 06 9 0

0724

U B614 B A H  
MAHATHIR - MELAYU 2 NIBONG TEBAL

WALAU PUN ORANG MELAYU TELAH MENCAPAI KEJAYAAN, TETAPI TAHAPNYA BELUM MEMUASKAN, DAN OLEH KERANA ITU UMNO HENDAKLAH TERUS DIPERKUKUHKAN AGAR KERAJAAN BN YANG BERTERASKAN UMNO MAMPU MEMBANTU RAKYAT, TERUTAMA ORANG MELAYU, TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA KEJAVAN UMNO BUKANLAH UNTUK KEPENTINGAN SESIAPA TETAPI UNTUK MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENERUSKAN USAHA PEMBANGUNAN BAGI KEPENTINGAN BANGSA MELAYU SENDIRI.

MALANGNYA, KATA BELIAU, TERDAPAT SESETENGAH PEMIMPIN MENABURKAN PELBAGAI FITNAH BAGI MENARIK SOKONGAN RAKYAT, ASALKAN KEPENTINGAN DIRI MEREKA TERCAPAI.

MEREKA BERKENAAN BERBUAT DEMIKIAN KERANA BIMBANG TIDAK AKAN MENDAPAT SOKONGAN LAGI SEMASA PILIHAN RAY4 SETELAH TIDAK MENUNJUKKAN REKOD YANG BAIK SEMASA MEMIMPIN, KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA PEMIMPIN SEUMPAMA INI AKAN MEMBAWA PELBAGAI CERITA BOHONG UNTUK MENARIK UNDI BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENCAPAI CITA-CITA MEREKA, TERMASUK MEMBENTUK KERAJAAN AGAR DAPAT MELAKUKAN APASAHAJA YANG MEREKA SUKA. -- LAGI

2158MST 24 06 90

0728

UB616 B A H  
MAHATHIR - MELAYU 3 NIBONG TEBAL

BELIAU MEMBIDAS SEMANGAT 46, DAP DAN PAS, YANG SAMA ADA SANGGUP MEMUTARBELITKAN PELBAGAI ISU ATAU MENJANJILKAN PELBAGAI PERKARA BAGI MENCAPAI KEPENTINGAN DIRI Masing-masing.

SEBELUM ITU KETIKA BERUCAP PADA PERJUMPAAN DENGAN PARA PEMIMPIN MASYARAKAT SUNGAI BAKAP, DEKAT SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAGI KERAJAAN BN MEMERINTAH, NEGARA AKAN TERUS AMAN DAN RAKYAT AKAN DAPAT HIDUP DENGAN HARMONI.

KATA BELIAU, BN BERSIKAP SEDERHANA DAN SENTIASA MEMELIHARA KEPENTINGAN SEMUA KAUM DAN AGAMA SEHINGGA RAKYAT DAPAT HIDUP AMAN DAN DAMAI.

RAKYAT JUGA PERLU MEMAHAMI BAHAWA KEAMANAN DAN KESTABILAN YANG DICAPAI ADALAH KERANA KERAJAAN YANG DIPILIH OLEH RAKYAT SENTIASA BERSIKAP BERTIMBANG RASA PADA RAKYAT, KATA BELIAU.

SEMENTARA ITU, KETUA PERHUBUNGAN UMNO PULAU PINANG, ENCIK ANWAR IBRAHIM, DALAM UCAPANNYA BERKATA ORANG MELAYU PULAU PINANG HENDAKLAH BERWASPADA KERANA JIKA BERPECAH BELAH AKAN MERUGIKAN BANGSA SENDIRI.

-- LAGI

D729

MB617 B A H

MAHATHIR - MELAYU 4 NIBONG TEBAL

ORANG MELAYU HANYA BERGANTUNG KEKUATAN PADA UMNO DAN JIKA TIADA UMNO; PADA SIAPALAH YANG HENDAK MEREKA HARAPKAN, TEGAS BELIAU, SAMBIL MENAMBAH KATA, UMNO PULAU PINANG SUDAH BERSEDIA MENGHADAPI FILIHAN RAYA PADA BILA-BILA MASA SAHAJA.

YANG TURUT HADIR IALAH NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI, TIMBALAN MENTERI KESIHATAN, SENATOR MOHD FARID ARIFIN DAN DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI. -- BERNAMA  
2220MT 24 0 6 9 0